

MAKLUM BALAS TERHADAP KENYATAAN YAB MENTERI BESAR
JOHOR BERHUBUNG SOP SKIM DAILY COMMUTING
ARRANGEMENT (DCA)

**MAKLUM BALAS TERHADAP KENYATAAN YAB MENTERI BESAR JOHOR
BERHUBUNG SOP SKIM DAILY COMMUTING ARRANGEMENT (DCA)**

1. Saya ambil maklum kenyataan Menteri Besar Johor yang menyarankan kepada Kerajaan Persekutuan Standard Operating Prosedur (SOP) bagi skim ketiga pembukaan sempadan Malaysia-Singapura iaitu Daily Commuting Arrangement (DCA).
2. Penting untuk saya nyatakan, keputusan muktamad untuk membenarkan DCA dilaksanakan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.
3. Perkara ini berkait rapat dengan soal keselamatan dan kesihatan. Justeru, memandangkan Kerajaan Negeri Johor menyatakan mereka telah bersedia untuk melaksanakan DCA, Kerajaan Negeri Johor perlu membentangkan perancangan mereka secara terperinci kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta membincangkannya dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Hanya apabila MKN, JIM dan KKM sebulat suara memutuskan agar DCA boleh dilaksanakan barulah Kementerian Luar Negeri akan memainkan peranan untuk berunding dengan Kerajaan Singapura.
5. Dalam pada itu, berhubung cadangan Kerajaan Negeri Johor supaya tempoh kuarantin bagi rakyat Malaysia yang ingin pulang ke tanah air (yang bukan di bawah kategori Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA)) hanya 7 hari di pusat kuarantin dan rumah masing-masing, Kementerian Luar Negeri telah mengajukan cadangan ini kepada KKM untuk maklum balas dan pertimbangan. Sekali lagi saya tegaskan, Kementerian Luar Negeri bukan pihak yang boleh membuat keputusan dalam soal kuarantin ini. Saya menasihatkan agar Kerajaan Negeri Johor berbincang terus dengan KMM berhubung perkara ini.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI LUAR NEGERI**

12 NOVEMBER 2020